



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi

PERKAITAN DIANTARA ORIENTASI MATLAMAT DENGAN MOTIF PENYERTAAN ATLET OLAHRAGA

**MATNOOR BIN HJ. SIMA
M20061000093**



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS

2007



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi



**PERKAITAN DIANTARA ORIENTASI MATLAMAT DENGAN
MOTIF PENYERTAAN ATLET OLAHRAGA**

MATNOOR BIN HJ.SIMA



**DISERTASI YANG DIKEMUKAKAN BAGI
MEMENUHI SYARAT UNTUK MEMPEROLEHI
IJAZAH SARJANA PENDIDIKAN**

**FAKULTI PENDIDIKAN SAINS SUKAN
UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS**

2007





PERKAITAN DI ANTARA ORIENTASI MATLAMAT DENGAN MOTIF PENYERTAAN ATLET OLAHRAGA

Oleh

Matnoor Bin Hj.Sima

Penyelia

Prof.Madya Dr.Shaharudin Bin Abd.Aziz



**Kertas Projek Dalam Pendidikan Sains Sukan Yang
dikemukakan Sebagai Memenuhi Ketetapan Kursus
Projek Ilmiah Mod A QSS 6006 di Fakulti Sains Sukan
Univertisi Pendidikan Sultan Idris
35900 Tanjong Malim,
Perak Darul Ridzuan**

APRIL 2007





PENGAKUAN

Saya mengaku bahawa sesungguhnya Kertas Projek Dalam Pendidikan Sains Sukan ini adalah hasil kerja saya sendiri kecuali nukilan-nukilan dan ringkasan-ringkasan yang setiap satunya telah dinyatakan sumbernya.



8.5.2007

.....
MATNOOR BIN HJ.SIMA
M20061000093





PENGESAHAN

**Kertas Projek Dalam Pendidikan Sains Sukan ini telah diterima dan
diluluskan untuk memenuhi syarat dalam melaksanakan Projek Ilmiah
Mod A Qss 6006 bagi memperoleh Ijazah Sarjana Pendidikan Sains**

Sukan

Fakulti Sains Sukan

Universiti Pendidikan Sultan Idris

Tanjong Malim,

Perak Darul Ridzuan



.....
PROF.MADYA DR. SHAHARUDIN BIN ABD.AZIZ

Penyelia

Projek Ilmiah Mod A QSS 6006 Dalam Pendidikan Sains Sukan





Kepada,

Allahyarham ayahandaku, terima kasih kerana mewariskanku keazaman dan semangat juang yang tulen. Walau bukan material yang diwasiatkan buatku, nasihat dan doa yang ayahanda titipkan sentiasa mengiringi perjuanganku. Keringat dan wajah tuamu adalah gambar paling indah yang kumiliki untuk kesekian kalinya kugantungkan dalam minda harapanku. Damai dan bahagialah ayahanda bersemadi dan kupanjatkan doa semoga Yang Maha Esa menenmpatkanmu di sisiNya.Amin ya rabbal alamin.

Ibuku yang wajah tuanya adalah garis-garis perjuangan kehidupan yang keras dan sukar, kuhadiahkan kejayaan ini untuk mu kemuliaan bukan pada banyaknya harta tetapi ketinggian ilmu yang dimiliki...begitu pesanmu kusematkan sebagai azimat.

Toteriku "Dewi Santi Bahrui" engkaulah dewi sanubariku. Kesabaran dan pengorbananmu adalah penawar dikala duka Kau sentiasa menghulur tangan pada ketika aku terjatuh dan mengukir senyum manis pada ketika aku pilu dan hampa. Semoga cinta kita akan mekar selamanya.

Sarah Adrieana jantung hatiku, ayah nukilkan sebaris kata sebagai bekal di hari mukamu. Anakku berdirilah di atas landasan ilmu yang digunakan untuk menyatukan kasih sayang sesama manusia.Obor ilmu tidakkan pernah padam maka cintailah ilmu.

Semua keluarga dan rakan-rakan seperjuangan yang sentiasa berdiri di sisiku, hanya terima kasih tidak terhingga mampu kuluahkan buat kalian. Semoga kebahagiaan milik kalian semua.

Pengarah yang budiman ilmu kalian adalah pelita yang menerangi jalan hidupku dalam kegelapan. Jasa kalian tidakkan terbalas... hanya doa dipanjatkan ke hadiratNya, semoga kejayaan akan sentiasa bersama kalian.Amin.





PENGHARGAAN

Alhamdulillah, syukur ke hadrat ALLAH SWT kerana dengan limpah kurniaNYA, kajian ini mampu diselesaikan.

Dengan rendah hati saya ingin merakamkan penghargaan dan ucapan terima kasih kepada Prof.Madya Dr. Shahrudin Abd.Aziz di atas segala bimbingan dan kesabaran beliau memberi tunjuk ajar sepanjang proses kajian ini dijalankan. Tanpa tunjuk ajar beliau, saya tidak mampu untuk menyelesaikan tugas ini. Tidak lupa juga, kepada Prof. Madya. Dr. Jabar Hj.Johari, Dr.Ahmad Hashim, Dr.Ong Kuan Boon, Dr.Julismah Jani, Dr.Sani Madon dan En.Jefrey Low di atas segala bantuan dan sumbangan ilmu mereka dalam proses penulisan kertas projek ini.



Ucapan terima kasih juga saya rakamkan kepada Jabatan Pelajaran Negeri Sabah dan sekolah-sekolah yang terlibat diatas kerjasama yang diberi untuk menjalankan kajian di sekolah berkenaan. Terima kasih juga kepada rakan-rakan seperjuangan yang banyak memberikan pandangan, bantuan dan dorongan sehingga saya dapat menyiapkan kertas projek ini. Akhir sekali saya ingin merakamkan ucapan terima kasih kepada orang perseorangan dan pihak-pihak tertentu yang tidak dapat disebutkan satu persatu di sini, di atas segala sumbangan dan kerjasama yang telah diberi. Sekian, terima kasih.

MATNOOR BIN HJ.SIMA
M20061000093





JADUAL KANDUNGAN

Muka

Surat

DEDIKASI	vi
PENGHARGAAN	vii
SENARAI JADUAL	ix
ABSTRAK	x

BAB 1 PENGENALAN

1.1 Pengenalan	1
1.2 Penyataan Masalah.	7
1.3 Objektif Kajian	9
1.4 Persoalan Kajian	10
1.5 Kepentingan Kajian.	10
1.6 Batasan Kajian.	12
1.7 Definisi Operasional.	14

BAB 2 SOROTON LITERATUR

2.1 Pengenalan	17
2.2 Kajian Berkaitan.	24
2.3 Kesimpulan.	30

BAB 3 METODOLOGI

3.1 Pengenalan	34
3.2 Reka Bentuk Kajian	34
3.3 Instrumen Kajian	35



3.4	Sampel Kajian	.	.	.	.	.	38
3.5	Prosedur Kajian	.	.	.	.	.	40
3.6	Penganalisan Data	.	.	.	.	.	41

BAB 4 DAPATAN KAJIAN

4.1	Pengenalan	.	.	.	.	.	42
4.2	Analisis Demografi Responden	.	.	.	.	.	43
4.3	Analisis Data Kajian.	.	.	.	.	.	47

BAB 5 PERBINCANGAN KESIMPULAN DAN CADANGAN

5.1	Pengenalan	.	.	.	.	.	53
5.2	Perbincangan dan Rumusan	.	.	.	.	.	54
5.3	Kesimpulan	.	.	.	.	.	60
5.4	Cadangan	.	.	.	.	.	61

RUJUKAN	.	.	.	.	.	.	75
---------	---	---	---	---	---	---	----

LAMPIRAN

A	Borang Soal Selidik	.	.	.	.	.	68
---	---------------------	---	---	---	---	---	----

**SENARAI JADUAL****Jadual****Muka Surat**

4.1	Taburan Responden Mengikut Jantina	43
4.2	Taburan Peratusan Responden Mengikut umur	44
4.3	Taburan Responden Mengikut Ras	44
4.4	Taburan Penyertaan Tertinggi Responden	45
4.5	Taburan Peratusan Ahli Keluarga Terlibat Dalam Sukan	45
4.6	Taburan Tempoh Penglibatan Dalam Sukan	46
4.7	Taburan Min dan Sisihan Piawai Orientasi Matlamat.	47
4.8	Ujian –t Sampel Berpasangan Orientasi Matlamat	
	Atlet Olahraga	48
4.9	Taburan Min dan Sisihan Piawai Bagi Motif Utama	
	Penyertaan Atlet Olahraga	49
4.10	Analisa Korelasi Pearson Bagi Orientasi Matlamat dan	
	Motif Penyertaan	50





ABSTRAK

PERKAITAN DIANTARA ORIENTASI MATLAMAT DENGAN MOTIF PENGLIBATAN ATLET OLAHRAGA

Oleh

MATNOOR BIN HJ.SIMA

Tujuan utama kajian ini adalah untuk melihat perkaitan orientasi matlamat dengan penglibatan atlet olahraga di beberapa buah sekolah menengah Gabungan Lahad Datu, Sabah. Instrumen kajian yang digunakan dalam kajian ini ialah (TEOSQ) (Duda & Nicholls, 1989) dan 'Participation Motivation Inventory (PMQ)' yang telah diubahsuai ditadbir ke atas 136 orang responden yang terdiri 68 orang atlet lelaki dan 68 orang atlet perempuan. Purata umur responden kajian ini ialah di antara 12 hingga 18 tahun. Data diansalisis dengan nilai min, sisihan piawai dan korelasi dengan menggunakan Program '*Statistical Packages for the Social Science*' (SPSS/PC+). Dapatan kajian ini juga penyelidik dapat mengenal pasti bahawa oreintasi tugas dan motivasi intrinsik merupakan motif utama yang mendorong penglibatan atlet dalam sukan olahraga yang diceburi. Skor min orientasi tugas ($M=3.0483$, $SD=.39$) manakala skor min orientasi ego ialah ($M= 2.29$, $SD=.65$). Pekali korelasi orientasi tugas dengan ego ($r = 0.776$) adalah hubungan positif yang tinggi, intrinsik dengan ekstrinsik ($r = 0.148$) hubungan positif tinggi, intrinsik dengan tugas ($r = 0.091$) hubungan positif yang tinggi, orientasi ego dengan intrinsik ($r = -0.032$) hubungan negatif yang rendah, orientasi tugas dengan ekstrinsik ($r = -0.044$) hubungan negatif yang lemah dan orientasi ego dengan ekstrinsik ($r = -0.085$) menunjukkan hubungan positif yang tinggi.





ABSTRACT

THE CORRELATION BETWEEN GOAL ORIENTATION AND MOTIVE OF PARTICIPATION IN TRACK AND FIELD

By

MATNOOR BIN HJ.SIMA

The main purpose of this research is to observe the correlation between the task and ego orientation with the motivation participation of track and field athletes in several secondary schools in Lahad Datu Division. The instrument used in this research are namely the TEOSQ and PMQ. It have been modified to suit the research subjects. Prior to this research, which have been carried out to a total number of 136 athletes, it have been shown that the task orientation plays a significant role in encouraging the athletes to take part in track and field ($M=3.0483, SD=.39$). In addition that, the research provides a review in which the intrinsic motivation plays a major role in encouraging the athletes to participated in track and field. Prior to this research, it have been shown that there was positive correlation between task orientation with the intrinsic motivation ($r=0.091$).





BAB 1

PENDAHULUAN

1.1 Latar Belakang Kajian

Mengapa kita melakukan sesuatu tindakan? Mengapa pada satu ketika kita merasakan sangat sukar untuk mencapai sesuatu matlamat dan pada ketika yang lain kita sangat teruja dan begitu bersemangat melaksanakan sesuatu usaha? Persoalan-persoalan seperti ini sering dialami dalam kehidupan seharian manusia. Jawapan kepada persoalan ini dikaitkan dengan motivasi. Dari aspek psikologi secara umumnya, motivasi dimaksudkan sebagai satu daya tenaga yang boleh menyebabkan berlakunya sesuatu mengikut keadaan yang tertentu. Tanpa motivasi maka tidak akan wujud sesuatu tingkahlaku individu. Motivasi dianggap sebagai daya mental yang boleh mencetuskan sesuatu tingkahlaku. Konsep motivasi juga amat luas yang meliputi aspek biologi, sosial dan peneguhan melalui pembelajaran yang menggerak, mendesak, mengekal dan memberhentikan lakuan ke arah matlamat-matlamat tertentu.





Perkataan motivasi pada asasnya boleh dikatakan sebagai satu bentuk dorongan dalaman yang dialami oleh manusia ataupun haiwan lain. Asas perkataan motivasi diperolehi daripada perkataan Latin yang bermaksud 'untuk gerak' dan inilah yang menjadi asas kepada konsep tersebut.

Atkinson (1965) menyatakan bahawa motivasi pembelajaran bergantung pada tujuan, insentif, kebolehan dan harapan terhadap kejayaan. Adair (1996), memberi definisi motivasi sebagai dorongan dari dalam diri seseorang yang mendorong dan seterusnya menggerakkannya melakukan sesuatu sehingga berjaya. Dorongan tersebut boleh wujud dalam bentuk

keperluan, keinginan atau emosi yang menggerakkan perlakuan atau usaha melalui cara dan kaedah tertentu.

Teori motivasi menyatakan tentang faktor-faktor yang mempengaruhi prestasi manusia. Teori humanistik Maslow (1943) dalam Mohamad Nazar (1990) menyatakan bahawa manusia mempunyai beberapa keperluan yang harus dipenuhi untuk mencapai setiap tahap keperluan tersebut. Manusia mempunyai motivasi sendiri. Manakala, teori motivasi pencapaian Atkinson (1965) pula menyatakan bahawa motivasi pencapaian boleh membentuk satu kecenderungan untuk memperolehi kejayaan. Mc Cleand (1961) menyatakan bahawa motivasi pembelajaran bergantung pada tujuan, insentif, kebolehan dan harapan terhadap kejayaan





Teori-teori tersebut menjelaskan bahawa motivasi itu boleh berpunca daripada dalaman atau pun luar diri seseorang. Pemahaman terhadap aspek motivasi membolehkan seseorang individu memperkukuhkan ciri-ciri positif dalam dirinya dan mungkin dapat digunakan untuk mengatasi punca kegagalan.

Menurut Wann (1997) dalam Shahrudin Abd.Aziz (2001) motivasi boleh didefinisikan sebagai proses kebangkitan dalam diri individu yang membantu usaha mengarah serta mengekalkan perlakuan yang diinginkan. Seterusnya Shahrudin Abd.Aziz (2001) menyatakan bahawa motivasi ialah satu daya yang membantu peningkatan serta pengekalan perlakuan seseorang individu.

Dalam psikologi sukan, motivasi dilihat sebagai salah satu topik yang begitu kompleks yang mana definisi amnya sebagai usaha yang melibatkan hala tuju dan kesungguhan terlalu mudah dan tidak dapat ditafsirkan secara semulajadi (Gill, 1986). Seterusnya, Cox (1998) mentakrifkan motivasi sebagai sumber atau alat yang menggalakkan seseorang untuk mencapai matlamatnya dan seterusnya berusaha untuk mencapai kejayaan yang lebih cemerlang.





Menurut Alderman (1974) pula, motivasi pencapaian dan pencapaian sukan mempunyai hubungan yang positif. Motivasi pencapaian dianggap sebagai satu teori yang mempunyai kuasa penggerak atau penarikan intuitif dalam mengaitkan atlet dengan aktiviti fizikal. Pada umumnya, motivasi ekstrinsik lebih memainkan peranan dalam menggalakkan seseorang atlet dalam kegiatan sukan dan permainan. Kebiasannya, motivasi yang bercorak materialistik sering menyebabkan atlet sukan melakukan acaranya dengan tiada semangat kesukanan serta tiada penghayatan atau kenikmatan diri.

Kim (1991) mengatakan bagi atlet yang mencapai kecemerlangan dan unggul dari aspek kemahiran dan psikologi, mereka ini perlu ada motivasi. Oleh itu, jika jurulatih mempunyai pengaruh dan bertindak secara profesional, maka ia harus mempunyai aspek pengetahuan psikologi yang baik untuk memotivasikan atlet mereka. Sifat dan tingkahlaku jurulatih dapat mempengaruhi atlet secara langsung sekiranya jurulatih juga bermotivasi tinggi yang lebih terarah pada faktor intrinsik daripada ekstrinsik.

Kajian yang melihat perkaitan di antara tahap motivasi atlit, penglibatan dan kejayaan dalam bidang sukan menunjukkan berbagai keputusan yang menarik. Secara umumnya, kajian di kalangan atlit yang berusia di bawah 15 tahun menunjukkan kejayaan dalam bidang sukan seringkali dikaitkan dengan





motivasi diri yang berorientasikan tugas (Duda & Whitehead, 1998). Sementara itu, atlit yang berorientasikan ego pula seringkali dikaitkan dengan kegagalan serta tindakan menarik diri dari aktiviti sukan (Duda & Whitehead, 1998). Bagi atlit remaja pula, dapatan kajian menunjukkan kejayaan dalam bidang sukan dikaitkan dengan kedua-dua corak orientasi matlamat atlit. Dapatan yang berbeza ini boleh dikaitkan dengan jenis sukan yang diceburi.

Menurut Wann petikan dari (Shaharudin Abd.Aziz ,2001) motivasi adalah merupakan suatu proses kebangkitan dalam diri individu yang membantu usaha mengarah dan mengekalkan individu melakukan sesuatu yang membantu usaha mengarah serta mengekalkan perlakuan yang diinginkan. Cox (1998) pula mentakrifkan motivasi sebagai sumber atau alat yang menggalakkan seseorang untuk mencapai matlamat-matlamatnya dan seterusnya berusaha untuk terus mencapai kejayaan yang lebih cemerlang. Kenyataan ini menyokong pengaruh kekuatan motivasi. Motivasi mendesak seseorang untuk mengekalkan matlamat dengan cara berusaha terus-menerus. Manakala Mohd Sofian (2002) mendefinisikan motivasi sebagai penggerak kemahuan dan keinginan atau rangsangan untuk berjaya mencapai sesuatu matlamat.

Untuk melihat hubungan orientasi matlamat, motivasi intrinsik dan ekstrinsik penglibatan atlit dalam bidang sukan, perlu dikaji supaya kita





mendapat maklumat yang jelas. Shahrudin (2004), menyatakan atlet muda yang baru menceburi bidang sukan, kayu ukur pencapaian atau kejayaan bergantung kepada corak orientasi matlamat mereka. Manakala atlet yang berorientasikan tugas, kayu ukur pencapaian adalah pencapaian terbaik peribadi (Duda & Whitehead, 1998; Shahrudin Abd.Aziz, 1998).

Fox (1994) pula, menyatakan majoriti kanak-kanak yang berusia 10 hingga 12 tahun sangat aktif melakukan aktiviti fizikal. Kemudiannya, apabila mencapai pra-remaja, kanak-kanak cuba untuk mengelakkan diri daripada aktif dalam aktiviti fizikal. Dipercayai bahawa pada peringkat ini, mereka mula memilih satu aktiviti tersendiri bagi menunjukkan identiti masing-masing. Peranan guru dan jurulatih amat penting dalam mempelbagaikan corak motivasi untuk menarik minat kanak-kanak supaya kekal melakukan aktiviti fizikal.

Maka, kajian ini adalah bertujuan untuk mengenal pasti faktor-faktor motif penyertaan yang mempengaruhi penglibatan atlet dalam sukan. Bidang sukan telah menjadi industri yang semakin penting dan akhir-akhir ini telah menjadi alat untuk menaikkan prestij sesebuah negara. Malah, penyertaan dalam sukan bukan sekadar dapat memenuhi masa lapang tetapi bagi atlet yang bertaraf profesional, sukan menjadi satu kerjaya.





kecergasan fizikal dan lain-lain. Namun apa yang berlaku dalam dunia sukan sekarang, atlet lebih berminat dalam motivasi ekstrinsik berbanding dengan motivasi intrinsik iaitu lebih mengutamakan kebendaan, penghargaan atau publisiti. Atlet-atlet lebih banyak ditawarkan ganjaran kewangan, pengiktrafan dan penghargaan. Maka, tinjauan harus dilakukan untuk melihat apakah corak motivasi yang sebenarnya diperlukan oleh atlet untuk terus menceburkan diri dalam sukan.

Motivasi intrinsik ialah motivasi yang timbul atau wujud dalam hati seseorang itu sendiri. Lazimnya, seseorang ahli sukan yang bermotivasi intrinsik akan terus berkecimpung dalam sesuatu aktiviti. Atlet yang mempunyai motivasi intrinsik biasanya tekun, bekerja keras, teratur dan disiplin dalam menjalani latihan serta tidak bergantung kepada orang lain. Manakala, bagi atlet yang bermotivasi ekstrinsik biasanya bermain untuk ganjaran yang berupa kebendaan, penghargaan atau publisiti. Motivasi ekstrinsik akan hilang lebih cepat jika dibandingkan dengan motivasi intrinsik. Dalam ganjaran ekstrinsik, kejayaan dan kegagalan dalam pertandingan boleh memberi kesan pada motivasi intrinsik.

Kejayaan dalam pertandingan lebih meningkatkan motivasi intrinsik manakala kegagalan dalam pertandingan lebih menunjukkan penurunan





motivasi intrinsik. Namun, dunia sukan masa kini, atlet lebih berminat dalam motivasi ekstrinsik berbanding motivasi intrinsik. Oleh itu, faktor-faktor dan corak motivasi haruslah dikenalpasti yang manakah motivasi diperlukan untuk mempertingkatkan penglibatan serta prestasi atlet supaya terus berkecimpung dalam sukan.

1.3 Objektif Kajian

Kajian ini bertujuan untuk mengkaji faktor-faktor motivasi yang mendorong penyertaan pelajar sekolah menengah di Gabungan Lahad Datu dalam sukan olahraga.

Secara khususnya objektif kajian ini adalah untuk :

- i. Menenalpasti motif penyertaan utama yang mempengaruhi penglibatan atlet sekolah-sekolah menengah di Gabungan Lahad Datu dalam bidang sukan olahraga yang diceburi.
- ii. Menenalpasti bentuk faktor motivasi yang mempengaruhi atlet lelaki dan perempuan Gabungan Lahad Datu dalam bidang sukan olahraga yang diceburi.





1.4 Persoalan Kajian

Dalam konteks kajian ini beberapa persoalan dibentangkan oleh penyelidik iaitu :

- i. Apakah corak orientasi matlamat atlet olahraga sekolah-sekolah menengah di Gabungan Lahad Datu.
- ii. Apakah motif utama penyertaan atlet olahraga sekolah-sekolah menengah di Gabungan Lahad Datu.
- iii. Adakah wujud perkaitan antara orientasi matlamat dengan motif penyertaan atlet olahraga sekolah menengah di Gabungan Lahad Datu.



1.5 Kepentingan Kajian

Hasil daripada kajian ini diharapkan dapat memberi hala tuju atau panduan kepada atlet melibatkan dan mempertingkatkan prestasi dalam bidang sukan yang diceburi. Seterusnya, dapatan kajian ini akan memberi panduan kepada guru dan jurulatih mengenai corak motivasi yang diperlukan oleh atlet untuk mempertingkatkan prestasi dan terus





kekal melakukan aktiviti yang diceburi. Ini sesuai dengan pendapat Lindeburg (1978) iaitu tahap pembelajaran bukan hanya bergantung pada keupayaan diri tetapi juga tahap motivasinya.

Di peringkat sekolah adalah diharapkan kajian ini dapat dijadikan asas untuk melakukan kajian berkaitan dalam sukan permainan yang lain. Sekolah mempunyai peranan yang besar dalam melahirkan atlet berpotensi untuk digilap bakat sukan dan seterusnya diketrengahkan ke peringkat yang lebih tinggi lagi. Tidak dinafikan, kemunculan bakat atlet bermula daripada zaman persekolahannya. Walaupun begitu, hal ini tidak diberi perhatian yang serius lebih-lebih lagi sekolah luar bandar. Oleh itu, diharapkan kajian ini dapat membantu guru pendidikan jasmani kesihatan dan jurulatih sukan sekolah yang dipertanggungjawabkan di peringkat sekolah untuk melatih atlet mengembangkan bakat mereka memahami rangsangan dan dorongan yang perlu diberikan supaya terus menceburkan diri dalam bidang sukan yang diceburi.

Dapatan kajian ini juga boleh dijadikan panduan untuk ibu bapa memahami dan lebih menggalakkan lagi anak-anak mereka melibatkan diri dalam sukan yang diminati. Kajian mendapati penglibatan ibu bapa yang aktif dalam sukan dapat mempengaruhi dan menyburkan minat anak-anak menceburkan diri dalam sukan sehingga ke peringkat tinggi.



Kajian ini juga mungkin boleh dijadikan asas untuk dijalankan kajian yang lebih terperinci dan mendalam berkaitan dengan motivasi penyertaan pelajar dalam aktiviti sukan sejajar dengan matlamat dan usaha Kementerian Pelajaran Malaysia membudayakan sukan di kalangan pelajar sekolah. Kajian ini diharapkan dapat memberi kesedaran untuk terus membuat penyelidikan dari semasa ke semasa. Ini penting supaya wujud dapatan yang lebih sahih dan seterusnya akan dinilai.

1.6 Batasan Kajian

Kajian ini hanya melibatkan 136 orang atlet 16 buah sekolah menengah di Gabungan Lahad Datu, Sabah. Pemilihan responden adalah berdasarkan penglibatan atlet dalam Kejohanan Olahraga Majlis Sukan Sekolah Gabungan (MSSG) Lahad Datu, Sabah. Seramai 136 orang responden yang terdiri daripada 68 orang atlet lelaki dan 68 orang atlet perempuan yang dipilih secara rawak. Segala penganalisaan data adalah berpandukan keputusan data yang diperolehi melalui borang soal selidik yang diedarkan kepada 136 orang atlet sekolah menengah yang mewakili sekolah masing-masing semasa Kejohanan Olahraga MSS Gabungan Lahad Datu.



Keputusan kajian ini mewakili populasi atlet olahraga sekolah-sekolah menengah yang mewakili sekolah masing-masing ke peringkat Gabungan Lahad Datu. Ketepatan hasil kajian ini pula bergantung kepada keikhlasan maklumbalas yang diberikan oleh responden terhadap pernyataan-pernyataan dalam soal selidik yang dibekalkan kepada mereka.

Kajian ini terbatas kepada beberapa limitasi seperti berikut :

- i. Sikap kejujuran dan keikhlasan responden semasa menjawab soal selidik ini adalah di luar kawalan penyelidik. Walau bagaimanapun, responden diberi penerangan yang jelas dan ringkas terlebih dahulu sebelum menjawab soal selidik yang diberikan. Disamping itu, arahan-arahan yang jelas juga
- ii. terdapat dalam borang soal selidik yang diedarkan kepada responden.
- iii. Kajian ini tidak mengambil kira pemboleh ubah-pemboleh ubah luaran seperti budaya, umur , bangsa dan lain-lain.
- iv. Soal selidik ini mungkin tidak dapat merangkumi semua aspek motivasi intrinsik dan ekstrinsik yang dikehendaki.



1.7 Definisi Operasional

Dalam Kajian ini, beberapa istilah mempunyai definisi operasional tersendiri yang digunakan oleh penyelidik mengikut konteks kajian ini. Antaranya adalah seperti berikut :

i. Motivasi

Penggerak kemahuan dan keinginan atau sebagai rangsangan untuk mencapai sesuatu matlamat.

ii. Motivasi Intrinsik

Motivasi yang lahir dari dalam diri individu dan sangat berkait dengan usaha dan kebolehan untuk mencapai matlamat tertentu tanpa dipengaruhi oleh orang lain. Atlet yang bermotivasi seperti ini mempunyai kesedaran terhadap tahap kebolehan dan kelemahan diri sendiri. Mereka melibatkan diri dalam aktiviti sukan kerana inginkan kepuasan dan memuaskan minat terhadap aktiviti sukan dan bukannya untuk memuaskan keinginan orang lain.

**iii. Motivasi Ekstrinsik**

Motivasi yang diperolehi dari luaran seperti daripada guru, jurulatih, ibu bapa dan rakan-rakan. Bentuk pengukuhan adalah seperti pujian, pengiktirafan, wang atau sijil. Motivasi berbentuk ekstrinsik berkemungkinan besar tidak menarik minat atlet mengikut program yang diadakan jika tidak mendapat ganjaran.

iv. Orientasi Matlamat

Arah aliran yang diikuti atau menjadi landasan

v. Orientasi Ego

Arah aliran yang diikuti atau menjadi landasan berbentuk lebih kepada keutamaan atau kepentingan diri untuk menonjol.

vi. Orientasi Tugas

Arah aliran yang diikuti atau menjadi landasan berbentuk tanggungjawab yang perlu dilaksanakan mengikut kewajipan dan tanggungjawab

vii. MSS Gabungan Lahad Datu.

Majlis Sukan Sekolah-sekolah Gabungan Lahad Datu.



**viii. Atlet sekolah menengah**

Atlet sekolah-sekolah menengah yang mengambil bahagian dalam kejohanan olahraga peringkat MSS Gabungan Lahad Datu.

xv. Penyertaan

Pembabitan atlet dalam sukan olahraga .

